


Headline	Zam bukukan kenangan dalam Saya Bukan Menteri		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Color	Full Color
Page No	16	ArticleSize	347 cm ²
AdValue	RM 3,017	PR Value	RM 9,051



ZAINUDDIN (kanan) menyampaikan ceramah bertajuk 'Wartawan dan Perjuangan' sempena Program Pembangunan Minda Kakitangan *Kosmo!* di Kuala Lumpur semalam. Turut kelihatan (barisan depan dari kiri) Mohamed Hashim, Aziz dan Baharom.



ZAM, Tokoh Wartawan Negara 2006, berkongsi pengalamannya dalam bidang kewartawanan selama lebih 50 tahun.

Zam bukukan kenangan dalam *Saya Bukan Menteri*

KUALA LUMPUR - Bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Zainuddin Maidin kini sedang menyiapkan sebuah buku berjudul *Saya Bukan Menteri* yang mengentengahkan kisah hidup beliau bermula dari zaman kecilnya di Kota Kuala Muda, Kedah sehingga sekarang.

Menurut Zainuddin, penghasilan buku tersebut merupakan komitmen beliau sebagai Karyawan Tamu Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah.

Beliau yang mesra dengan panggilan Zam memberitahu, buku memoir itu dijangka disiapkan pada penghujung tahun ini.

"Ramai yang bertanya kenapa judul buku itu *Saya Bukan Menteri* sedangkan saya pernah menjadi Menteri Penerangan, jawapannya akan difahami apabila buku itu dibaca sepenuhnya," kata Zam.

Tokoh Wartawan Negara 2006 berusia

74 tahun itu berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan ceramah bertajuk 'Wartawan dan Perjuangan' sempena Program Pembangunan Minda Kakitangan *Kosmo!* di pejabat *Kosmo!* di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Aziz Ishak dan Pengarang *Kosmo!*, Baharom Mahusin.

Katanya, buku terbaharunya itu ditulis selepas beliau menghasilkan buku sejarah Utusan Melayu berjudul *Di Depan Api Di Belakang Duri* yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempena perasmian bangunan baharu Ibu Pejabat Utusan Melayu di sini pada 13 September lepas.

Menurut Zainuddin yang merupakan Menteri Penerangan dari tahun 2006 hingga 2008, buku memoir itu juga men-

ceritakan kariernya dalam dunia kewartawanan, bermula daripada menjadi wartawan sambilan Utusan Melayu sehinggalah dilantik sebagai Ketua Pengarang Kumpulan Utusan.

"Dalam buku *Di Depan Api Di Belakang Duri* itu, saya mengambil pendirian untuk tidak menonjolkan diri saya, saya tonjolkan peranan orang terdahulu serta perjuangan Utusan Melayu," katanya.

Zainuddin yang dilahirkan pada tahun 1939 memperoleh Diploma Kewartawanan dari Institute Journalism, Jerman pada tahun 1969 dan Fellowship Kewartawanan Profesional dari Universiti Michigan, Amerika Syarikat pada tahun 1981.

Antara buku-buku lain yang ditulis oleh Zainuddin ialah *Yang Pertama dan Terakhir*, *Mahathir Di Sebalik Tabir*, *Tun Razak: Jejak Bertapak Seorang Patriot* dan *Wira Tidak Didendang*.